



The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1994



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Kling, Z & Selat, N. (1994). Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan: Sumbangan Masyarakat-masyarakat Sarawak. The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 101-112

PEMBINAAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN: SUMBANGAN MASYARAKAT-MASYARAKAT SARAWAK

Zainal Kling dan Norazit Selat

KESATUAN KEBUDAYAAN DALAM KEPELBAGAIAN

Pada berbagai tahap persepsi, kebudayaan kebangsaan Malaysia amnya dan kebudayaan suku Sarawak khususnya, dapat ditanggap sebagai suatu continuum antara kesatuan dan kepelbagaian. Pada tahap negara dan masyarakat dalaman terdapat tanggapan perbezaan dan kepelbagaian antara budayabudaya dalam negara sehingga melahirkan kerencaman dalam kewujudan budaya-budaya ini. Masing-masing budaya menganggap dirinya berbeza dari budaya lain, sehingga setiap anggota masyarakatnya memandang anggota masyarakat lain sebagai orang asing yang tinggal bersama dalam sebuah negara. Tanggapan subjektif seperti ini membenarkan orang luar menggambarkan suasana kebudayaan Malaysia sebagai budaya majmuk atau *plural*.

Dalam pada itu, terdapat pula tanggapan objektif dari sudut ilmu sosial dan kajian wilayah yang melihat betapa kepelbagaian budaya ini adalah sebenarnya hanya satu kelainan (*variation*) - kelainan yang telan muncul di sepanjang sejarah sebuah budaya serumpun yang dinamakan rumpun budaya Melayu. Kerana sejarah perkembangannya yang berlainan, maka terdapat pelbagai ciri-ciri kesamaan, di samping adanya ciri-ciri perbezaan pada berbagai budaya itu. Terdapat, misalnya, unsur-unsur struktur asasi bahasa yang sama, terutama pada prinsip struktur morfologi dan sintaksis, malah pada sejumlah kosakata asasi yang menandakan pelbagai bahasa itu adalah asalnya satu rumpun Melayu. Kerana bahasa adalah asas kebudayaan maka sekaligus juga kebudayaan mereka adalah dari satu rumpun. Dengan demikian juga kumpulan budaya serumpun ini membentuk satu wilayah budaya yang dapat dinamakan sebagai Wilayah Budaya Melayu. Dari sudut pandangan ini, budaya-budaya Malaysia yang pelbagai itu adalah pada tahap gagasan objektif merupakan sebuah wilayah budaya yang sama. Maka terdapat satu kesatuan kebudayaan dalam kepelbagaianya.

PEMBINAAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN: SUMBANGAN MASYARAKAT-MASYARAKAT SARAWAK

oleh

Zainal Kling dan Norazit Selat

KESATUAN KEBUDAYAAN DALAM KEPELBAGAIAN

Pada berbagai tahap persepsi, kebudayaan kebangsaan Malaysia amnya dan kebudayaan sukuan Sarawak khususnya, dapat ditanggap sebagai suatu *continuum* antara kesatuan dan kepelbagaian. Pada tahap negara dan masyarakat dalaman terdapat tanggapan perbezaan dan kepelbagaian antara budaya-budaya dalam negara sehingga melahirkan kerencaman dalam kewujudan budaya-budaya ini. Masing-masing budaya menganggap dirinya berbeza dari budaya lain, sehingga setiap anggota masyarakatnya memandang anggota masyarakat lain sebagai orang asing yang tinggal bersama dalam sebuah negara. Tanggapan subjektif seperti ini membenarkan orang luar menggambarkan suasana kebudayaan Malaysia sebagai budaya majmuk atau *plural*.

Dalam pada itu, terdapat pula tanggapan objektif dari sudut ilmu sosial dan kajian wilayah yang melihat betapa kepelbagaian budaya ini adalah sebenarnya hanya satu kelainan (*variation*) — kelainan yang telah muncul di sepanjang sejarah sebuah budaya serumpun yang dinamakan rumpun budaya Melayu. Kerana sejarah perkembangannya yang berlainan, maka terdapat pelbagai ciri-ciri kesamaan, di samping adanya ciri-ciri perbezaan pada berbagai budaya itu. Terdapat, misalnya, unsur-unsur struktur asasi bahasa yang sama, terutama pada prinsip struktur morfologi dan sintaksis, malah pada sejumlah kosakata asasi yang menandakan pelbagai bahasa itu adalah asalnya satu rumpun Melayu. Kerana bahasa adalah asas kebudayaan maka sekaligus juga kebudayaan mereka adalah dari satu rumpun. Dengan demikian juga kumpulan budaya serumpun ini membentuk satu wilayah budaya yang dapat dinamakan sebagai Wilayah Budaya Melayu. Dari sudut pandangan ini, budaya-budaya Malaysia yang pelbagai itu adalah pada tahap gagasan objektif merupakan sebuah wilayah budaya yang sama. Maka terdapat satu kesatuan kebudayaan dalam kepelbagaianya.

Kedua-dua sudut pandangan ini mempunyai fungsi yang berlainan. Dari segi dalaman sesebuah negara, tidak dapat tidak, keragaman ini menjadi perspektif utama kerana adanya fungsi politik pada persamaan identiti budaya di kalangan para penduduknya. Maka kelainan dan kepelbagaian ini membayangkan persaingan dalam dinamik sosial dan politik negara tersebut. Namun dari sudut yang lebih luas, seperti pandangan para pengkaji antarabangsa, menyamakan semua sukubangsa dan budayanya sebagai satu kelompok atau rumpun adalah satu permudahan kepada penggolongan identiti dan juga layanan. Dalam keragaman budaya di seluruh dunia maka satu klasifikasi

bagi sebuah wilayah budaya lebih menyenangkan untuk ditanggapi dan diteliti secara perbandingan. Keadaan ini banyak berlaku sebagai kesan usaha peringkat makro pengajian kebudayaan.

Apakah implikasi dari prinsip penggolongan makro itu dalam proses pembentukan budaya kebangsaan Malaysia? Kerana adanya kesatuan pada asas dan pada prinsip budaya, maka terdapat cukup banyak kemungkinan bagi pengaliran dan penerimaan ciri-ciri budaya antara satu sama lain. Kesamaan prinsip itu bermakna juga proses pembudayaan antara pelbagai kelompok masyarakat adalah mudah berlaku tanpa terlalu menghadapi halangan prinsip. Ternyata pula keadaan ini terjadi dalam hubungan antara masyarakat dan budaya bumiputera. Malah pengaliran ciri budaya ini turut berlaku antara budaya mendatang dengan budaya bumiputera, sehingga secara keseluruhan pembudayaan adalah proses yang amat meluas di kalangan semua warganegara Malaysia.

Dari keadaan inilah wujudnya kesedaran yang amat kuat untuk membentuk kebudayaan kebangsaan berteraskan kebudayaan bumiputera amnya dan budaya Melayu khususnya. Kerana kedudukan masyarakat Melayu yang lebih lengkap secara tradisi dari segi kenegaraan serta sistem sosio-politik, yang menjadi asas kewujudan kenegaraan, maka dengan sendirinya budaya Melayu menjadi teras budaya nasional itu. Pada saat negara mencapai tahap penentuan nasib sendiri dari kuasa penjajahan dan berupaya memerintah diri sendiri, maka hanya masyarakat dan budaya Melayu yang mempunyai *claim* atau dapat menuntut kedudukan sebagai sebuah kelompok sosio-politik yang sempurna, mempunyai pengalaman bernegara dalam sejarah, mempunyai sistem politik kenegaraan dengan kepala negara yang lengkap, bukan sekadar adanya ketua masyarakat, dan diiktiraf oleh negara lain sebagai telah sedia wujud. Maka kewujudan negara Melayu secara objektif di mata antarabangsa ini membenarkan bangsa dan kebudayaan Melayu menjadi asas kepada kewujudan negara bangsa Malaysia kerana negara Melayu itu menjadi teras pula kepada tertubuhnya negara Malaysia. Dengan demikian, wajarlah pembentukan budaya nasional berasaskan dan berteraskan budaya Melayu.

Namun sejarah pembentukan kebudayaan kebangsaan Malaysia tidak pernah mengikuti prinsip membudayakan kelompok bumiputera atau bukan bumiputera di Malaysia dengan budaya Melayu. Pada prinsipnya mahupun pada praktiknya, tidak pernah berlaku proses asimilasi budaya meskipun sistem politik Malaysia berteraskan Melayu. Apa yang berlaku ialah pembinaan budaya 'berasaskan' atau 'berteraskan' Melayu dengan membenarkan pelbagai ciri lain, sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera menyumbang ke arah pertumbuhan budaya *composit* - budaya paduan - yang dirangkumi oleh sistem budaya Melayu sehingga seolah-olah dari pandangan bukan Melayu telah berlaku dan tumbuh sebuah budaya nasional Melayu. Namun dari sudut mata orang Melayu apa yang tumbuh bukannya budaya Melayu tetapi budaya asing